

16 MAR 1999

Mahkamah-Mirzan

MIRZAN FAILKAN AFIDAVIT JAWAPAN DALAM SAMAN RM150 JUTA

KUALA LUMPUR, 16 Mac (Bernama) -- Mirzan Mahathir, anak sulung kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memfailkan afidavit jawapan kepada pembelaan sebuah syarikat percetakan Star Papyrus Printing Sdn Bhd, berhubung kes saman fitnahnya berjumlah RM150 juta terhadap syarikat itu.

Afidavit jawapan itu difailkan oleh peguam Datuk V. K. Lingam di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi, Wisma Denmark di sini, semalam.

Mirzan mengemukakan tuntutan saman itu terhadap Star Papyrus, yang merupakan anak syarikat Star Publications Malaysia Bhd berhubung satu artikel yang disiarkan dalam akhbar Asian Wall Street Journal (AWSJ) pada 4 Jan lalu bertajuk "Mahathir's eldest son limits ambitions".

Star Papyrus ialah syarikat yang mencetak akhbar AWSJ edisi Kuala Lumpur.

Artikel yang disiarkan di muka depan itu memaparkan perkembangan terperinci mengenai kerjaya Mirzan serta bagaimana beliau dibantu oleh bank dan syarikat lain di Malaysia dalam mencapai kejayaan.

Dalam afidavit jawabannya, Mirzan berkata afidavit itu telah dibuat dengan tegas tanpa prejudis kepada haknya untuk memfailkan suatu permohonan untuk membatalkan beberapa perenggan di dalam pembelaan defendan.

Beliau berkata ini atas alasan bahawa perenggan-perenggan itu tidak mendedahkan sebarang pembelaan yang munasabah dan/atau adalah mengaibkan, remeh atau menyusahkan dan/atau mungkin memprejudis, menghalang atau melengahkan perbicaraan tindakan ini dan/atau ia adalah satu penyalahan proses mahkamah.

Mirzan juga berkata surat wartawan AWSJ, G.Bruce Knecht yang berpusat di Hong Kong kepadanya tidak menyebut apa-apa tentang mana-mana perkataan fitnah itu yang kemudiannya dicetak dan diterbitkan oleh defendan.

Mirzan juga mendakwa Knecht tidak memberi sebarang petunjuk bahawa Knecht ingin menulis sebuah cerita berkenaan Mirzan secara peribadi dan berkenaan hubungannya dengan Perdana Menteri Malaysia.

Beliau juga tidak menjangka bahawa cerita itu akan tersiar di muka hadapan AWSJ (dalam sifat yang menyebabkan kerosakan kepada plaintiff) bersama dengan cerita-cerita penting yang lain yang mendakwa tentang rasuah dan nepotisme di Indonesia.

Dalam pembelaan, Star Papyrus mendakwa Mirzan telah memberi kebenaran dan secara sukarela menerima risiko penerbitan akhbar secara meluas perkataan-perkataan yang dikatakan fitnah dengan memberi satu temubual dengan Knecht di pejabat Mirzan pada 2 Dis tahun lepas.

-- BERNAMA

KLS/JA AHH RON